


(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir ▾

## 08 PENERBITAN DIGITAL DUNIA MASA HADAPAN

NOV



USM, PULAU PINANG, 7 November 2016 - Penerbitan digital mempunyai masa hadapan yang cerah untuk diterokai potensinya. Malah penerbitan sebegini, sama ada dalam bentuk buku elektronik mahu pun memanfaatkan internet sepenuhnya dengan keupayaan multi-medianya perlu dilihat sebagai pilihan yang berupaya mengubah masa hadapan.

Pensyarah Bahagian Pemasaran Pusat Pengajian Pengurusan Shahidan Shafie berkata, dengan jumlah besar penggunaan telefon pintar dan media sosial hari ini, usaha perlu dibuat untuk memanfaatnya sebaik mungkin dalam apa juar bidang.

"Kita melihat bagaimana syarikat-syarikat multi-nasional dunia mencari jalan dan membangunkan potensi pemasarannya yang besar untuk menguasai pasaran termasuk dalam kalangan generasi Z," katanya dalam pembentangannya bertajuk Pemasaran Digital dan Potensinya kepada Kesuasteraan.



Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Media Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya Dr. Siti Ezalella Mustafa berkata, penulis hari ini berkomunikasi terus dengan pembaca dan bakal pembaca karyanya melalui atas talian sekaligus memasarkan karyanya kepada mereka termasuk untuk mendapatkan pandangan dan undian malah juga bakal penyumbang untuk penerbitannya pada masa hadapan.

"Ini menjadi sebagai pengaruh sosial dalam menyokong sesebuah projek penulisan yang bersumberkan khalayaknya," katanya dalam pembentangan bertajuk Penglibatan Komuniti Pembaca Dalam Penghasilan Karya Dalam Era Digital.

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Sementara itu, Pengurus Persidangan Kebangsaan Proses Kreatif Digital dan Pemasaran Dalam Talian, Profesor Dato' Dr. Sohaimi Abdul Aziz berpendapat, usaha ini penting dalam memahami makna sebenar karya digital kerana potensinya yang menggabungkan kepelbagaiannya media yang tidak boleh didapati melalui karya naskhah penerbitan bukan digital.

"Penerbitan seperti ini berupaya menerokai kepelbagaiannya media yang ada misalnya dengan memasukkan kesan bunyi, visual dan sebagainya dalam menarik minat khalayak untuk memahami dan menghayati sesebuah karya," kata Sohaimi.



Dalam pembentangannya yang bertajuk Proses Kreatif Keterlibatan dan Pemasaran Internet: Mencipta dan Memasar Novel Popular, beliau menekankan kepada pentingnya memahami perbezaan di antara pemasaran dan penjualan serta bagaimana penerbitan sebegini ini berupaya menghasilkan karya popular di samping menggembungkan idea dari pelbagai pihak secara bersama bagi menerbitkan sesuatu karya.

"Proses kreatif yang digunakan sesuai dengan hakikat novel popular yang berorientasikan pembaca yang berada dalam lingkungan komersialisme. Maka proses kreatif keterlibatan dan pemasaran internet merupakan dua proses dalam satu dalam perkembangan novel popular Melayu di era media digital," kata Sohaimi.

Sebanyak 15 pembentangan dalam persidangan sehari ini oleh mereka yang terlibat secara langsung dalam penerbitan karya secara digital dan dalam talian yang berkongsi pengalaman dan kaedah yang dilakukan termasuk kajian-kajian tentang bagaimana penulis dan pengarang menghasilkan karya mereka mahu pun menuju kelab peminat dalam mlariskan jualan dan pemasaran hasil karya.

Persidangan ini dianjurkan oleh Bahagian Kesusastraan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan USM bersama-sama Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM).

Teks: Mohamad Abdullah / Foto: Ebrahim Abdul Manan



**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>).

Client Feedback / Comments (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>). | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015